

14 APR 2002

Mahathir-Singapura

M'SIA PERLU CERMAT DALAM URUSKAN HAL EHWAL NEGARA, KATA MAHATHIR

BANGI, 14 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia perlu cermat dan bersikap bijak dalam menguruskan hal ehwalnya tanpa terpengaruh dengan perasaan marah terhadap mana-mana pihak.

Merujuk kepada isu penambakan laut oleh Singapura berdekatan dengan perairannya dengan Malaysia, Perdana Menteri berkata: "Kita perlu cermat dalam menangani masalah seperti ini kerana kita tidak mahu berperang dengan Singapura."

Dr Mahathir berkata demikian pada sesi soal jawab ketika menutup Kursus Perdana Generasi Wanita Prihatin anjuran Puteri Umno Malaysia di sini hari ini.

Beliau berkata pihak Singapura melakukan kerja-kerja penambakan di sebelah kawasan perairan milik republik itu.

"Cuma yang menjadi masalah kepada kita ialah penambakan itu mungkin menyebabkan dasar laut terdalam berubah. Perkara ini memerlukan kajian yang teliti," katanya.

Dr Mahathir berkata: "Kalau kita secara gopoh ambil tindakan, cetuskan peperangan antara kita dengan Singapura, dunia mungkin anggap kita suka bermusuhan dengan orang lain.

"Sebab itulah dalam menguruskan hal ehwal negara, kita perlu buat sesuatu dengan cukup cermat dan bijak dan tidak terpengaruh dengan rasa marah terhadap mana-mana pihak."

Sebelum ini, Dr Mahathir dilaporkan sebagai berkata Malaysia mempunyai asas dalam membuat bantahan bahawa aktiviti penambakan di Selat Johor oleh Singapura menjejaskan alam sekitar, nelayan tempatan selain membabitkan sempadan.

-- BERNAMA

MAM MAM FAZ